

SENARAI SEMAK PERMOHONAN
 PERMIT PERKHIDMATAN PELANCONGAN (Borang AP2)
 TAMAN NEGARA PULAU PINANG

Bil.	Perkara	Ada (/) atau Tiada (X)	Catatan
PERMIT PERKHIDMATAN PELANCONGAN			
Perkhidmatan Bot			
1	Borang AP 2		
2	Salinan kad pengenalan pemohon		
3	Salinan kad pengenalan pemandu bot		
4	Salinan lesen bot (Jab. Laut)		
5	Salinan lesen pemandu bot (Jab. Laut)		
6	Salinan sijil/surat lantikan persatuan/kelab (jika ada)		
7	Sijil kemahiran (jika ada)		
Pemandu Pelancong			
1	Borang AP 2		
2	Salinan kad pengenalan pemohon		
3	Salinan Lesen Pemandu Pelancong (Green Badge - MOTAC)		
4	Salinan sijil/surat lantikan persatuan/kelab (jika ada)		
5	Sijil kemahiran (jika ada)		

****Fi/bayaran RM20.00 dibayar setelah permohonan diluluskan.**



TAMAN NEGARA PULAU PINANG
BORANG PERMOHONAN PERMIT PERKHIDMATAN PELANCONGAN

AKTA TAMAN NEGARA 1980
PERATURAN-PERATURAN TAMAN NEGARA PULAU PINANG (TNPP) 2022

JENIS PERKHIDMATAN PELANCONGAN:

- PENGUSAHA BOT PELANCONG
- PEMANDU PELANCONG ALAM SEMULA JADI

**Sila lekatkan
gambar di
sini**

A. MAKLUMAT AM PEMOHON

1. Nama Penuh :

2. No. Kad Pengenalan :

(Sila lampirkan salinan kad pengenalan)

3. Warganegara:

4. Negeri Lahir:

5. Tarikh Lahir:

6. Umur: 7. Jantina: Lelaki Perempuan

8. Alamat Tetap :
.....

..... Poskod :

9. Alamat Bermastautin:
.....

..... Poskod :

10. Telefon :

11. Alamat e-mail :

B. BUTIR-BUTIR SYARIKAT/PERSATUAN:

1. Nama Penuh Syarikat/ Persatuan :

2. Alamat Berdaftar Syarikat/ Persatuan :

.....

..... Poskod.....

Telefon : Faks :

Alamat email :

3. Alamat Pejabat Utama :

.....

..... Poskod :

Telefon : Faks :

Alamat email :

C. PENGALAMAN DAN PENGLIBATAN* (Diisi oleh Pemandu Pelancong sahaja)

Tempoh Penglibatan:.....

No. Lesen Pemandu Pelancong Berkemahiran Alam Semulajadi :

(sila lampirkan salinan Lesen Pemandu Pelancong)

PENGLIBATAN DALAM LAIN-LAIN PERSATUAN/KELAB YANG BERKAITAN DENGAN AKTIVITI PERKHIDMATAN PELANCONGAN (Sila lampirkan salinan sijil/ surat lantikan)

No.	Persatuan/Kelab	Jawatan	Tempoh Menjadi Ahli

NYATAKAN SIJIL KEMAHIRAN TAMBAHAN BERKAITAN PERKHIDMATAN PELANCONGAN

(Sila lampirkan salinan sijil)

No.	Sijil Kemahiran	Anjuran	Tahun

D. MAKLUMAT BOT PELANCONG* (Diisi oleh Pengusaha Bot Pelancong sahaja)

Tempoh Penglibatan:..... Nyatakan lokasi beroperasi:.....

(Sila lampirkan salinan lesen bot)

No.	No Pendaftaran Bot	No. Lesen Bot	Tempoh Sah

NYATAKAN SIJIL KEMAHIRAN TAMBAHAN BERKAITAN PERKHIDMATAN PELANCONGAN

(Sila lampirkan salinan sijil)

No.	Sijil Kemahiran	Anjuran	Tahun

SENARAIKAN NAMA PEMANDU BOT YANG DILANTIK MEMBAWA BOT MILIK INDIVIDU/ SYARIKAT/PERSATUAN (Sila lampirkan salinan kad pengenalan & lesen Jab. Laut)

No.	Nama	No. Kad Pengenalan	No. Lesen Jab. Laut

E. PERAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya (nama)..... (no. K/P)..... mengaku dan mengesahkan bahawa maklumat yang tercatat di dalam borang ini adalah benar dan tepat. Sekiranya saya melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan, pihak Taman Negara Pulau Pinang berhak mengambil tindakan sepertimana ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022.

.....

Tarikh :

Tandatangan Pemohon

Cop Syarikat/ Persatuan :

F. ULASAN JABATAN

I. Disokong

II. Tidak Disokong

Ulasan :

Penguasa TNPP

.....

G. KEPUTUSAN

I. Diluluskan

II. Ditolak

Ulasan :

Ketua Pengarah

.....

H. CATATAN

.....

.....

.....

Permohonan boleh dihantar melalui surat atau emel beserta dokumen sokongan ke alamat seperti berikut :

Taman Negara Pulau Pinang

Jalan Hassan Abbas,
Teluk Bahang
11050 Pulau Pinang

No. Tel : 04-881 3500
Faks : 04-881 2016
Email : tnpp@wildlife.gov.my

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:**A. Syarat-Syarat Am**

1. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pelancongan di dalam Taman Negara hendaklah memohon permit daripada Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Semenanjung Malaysia dan Ketua Pengarah selepas menimbang permohonan yang dibuat, boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.
2. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pelancongan di dalam Taman Negara Pulau Pinang dikenakan fi perkhidmatan pelancongan mengikut jenis perkhidmatan dan fi hendaklah dibayar kepada Taman Negara apabila permohonan permit diluluskan.
3. Suatu permit, melainkan jika terlebih dahulu digantung atau dibatalkan hendaklah sah selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam permit itu. Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan permit yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini jika:
 - a. Pemegang permit telah melanggar apa-apa syarat yang dikenakan dalam permit;
 - b. Pemegang permit telah melanggar mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022; atau
 - c. Pemegang permit telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subperaturan 4(7) Peraturan-Peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022.
4. Pemegang Permit Perkhidmatan Pelancongan hendaklah sentiasa membawa permit pada setiap masa apabila berada di dalam Taman Negara Pulau Pinang dan hendaklah mengemukakan permit itu apabila diminta oleh Pegawai.
5. Pemegang permit tidak boleh menyerah apa-apa hak, kewajipan, tanggungan atau obligasi di bawah permit kepada mana-mana orang lain.
6. Jika suatu permit hilang, pemegang permit hendaklah menghentikan apa-apa aktiviti yang dibenarkan di bawah permit dan hendaklah dengan segera memaklumkan Ketua Pengarah mengenai kehilangan itu. Pemegang permit hendaklah memohon suatu salinan permit.
7. Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas permit yang dikeluarkan atau menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas permit.
8. Tiada seorang pun boleh masuk ke dalam atau keluar dari Taman Negara kecuali dengan menggunakan laluan masuk atau keluar yang dibenarkan sebagaimana yang ditentukan oleh Taman Negara.
9. Pemegang permit dikehendaki mematuhi had operasi yang dibenarkan oleh Taman Negara Pulau Pinang.
10. Pemilik permit tidak akan membuat sebarang tuntutan/pampasan/ganti rugi daripada pihak Taman Negara Pulau Pinang sekiranya berlaku kemalangan/kecelakaan/kecederaan sebelum/semasa/selepas menjalankan aktiviti.
11. Pihak Taman Negara berhak untuk menarik balik kelulusan yang diberikan sekiranya terdapat pelanggaran Peraturan-Peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022 serta syarat-syarat am dan syarat-syarat khusus yang dinyatakan dalam borang AP2 ini.

12. Pemegang permit dilarang menjalankan aktiviti yang mencemarkan alam sekitar dan mendatangkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat.
13. Permit perlu diperbaharui sebulan sebelum tamat tempoh permit tersebut.
14. Harga yang dikenakan terhadap pelawat TNPP yang menggunakan perkhidmatan bot dan perkhidmatan pemandu pelancong adalah ditetapkan dan dikawal oleh pihak Jabatan PERHILITAN dan TNPP. Semakan boleh dibuat melalui permohonan dan penghantaran kertas kerja untuk pertimbangan dan kelulusan Jab. PERHILITAN dan TNPP.

B. Syarat-Syarat Khusus (Perkhidmatan Bot)

1. Setiap bot dan pemandu bot mempunyai lesen yang sah serta ditauliah oleh Jabatan Laut Malaysia, sesuai dengan perkara Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952) dan Kaedah Bot. 1953 (L.N. 312/1953).
2. Mempunyai perlindungan insurans sesuai dengan Akta Perkapalan Saudagar (pindaan dan Perluasan) 2011 [Akta A1393].
3. Setiap petugas kaunter dan pemandu bot hendaklah:
 - 3.1. Sentiasa berpakaian kemas, berperwatakan kemas, bersopan-santun, jujur, amanah dan berdedikasi.
 - 3.2. Tidak boleh menggunakan bahasa kesat atau terlibat dengan pergaduhan atau perbalahan dengan pelancong, orang di bawah jagaannya, rakan sekerja, pengusaha pelancongan lain dan pegawai TNPP.
 - 3.3. Tidak boleh melakukan kekerasan fizikal, memburuk-burukkan atau mengkritik rakan sekerja, organisasi, kerajaan, dasar, kempen, pelancong atau mana-mana orang.
 - 3.4. Bersifat profesional, menjaga kelakuan, reputasi, imej dan nama baik TNPP dan negara.
 - 3.5. Sentiasa mempunyai nilai perhubungan awam yang baik, kerjasama dan persahabatan dengan rakan dan pelancong.
 - 3.6. Menjalankan tugas dengan berhati-hati dan menjaga pelancong di bawah jagaannya.
 - 3.7. Sentiasa meningkat dan membekalkan diri dengan maklumat dan kemahiran terkini.
4. Memastikan setiap bot berada dalam keadaan bersih, kemas dan selamat untuk digunakan.
5. Memastikan enjin bot dan komponen enjin berfungsi dengan baik dan tidak rosak yang boleh menjejaskan perjalanan semasa di laut.
6. Memastikan setiap pemandu bot dan pelancong memakai jakat keselamatan (*personal floating device*) semasa berada dalam bot iaitu semasa perjalanan di laut.
7. Memastikan jaket keselamatan (*personal floating device*) bersih, kering, tidak lusuh, tidak koyak dan berfungsi dengan baik.
8. Memastikan peralatan keselamatan di dalam bot berfungsi dan dalam keadaan baik – alat pemadam api, pelampung dan tali keselamatan, kotak first aid dan isi di dalamnya, kapak, pam air, lampu dan hon.
9. Memastikan setiap peralatan dan sampah dibawa keluar dari TNPP dan dibuang/dilupuskan ditempat yang sepatutnya.
10. Memastikan perkhidmatan yang diberi dan pemandu bot sentiasa mematuhi waktu/masa/jam seperti mana dijanjikan kepada pelanggan/pelancong.
11. Memastikan semua pelanggan/pelancong berdaftar dan mempunyai permit memasuki TNPP yang sah.
12. Pihak Taman Negara ada menyediakan kaunter perkhidmatan bot berhampiran kaunter pendaftaran untuk digunakan oleh pengusaha namun ia tidak diwajibkan dan setiap pengusaha bebas beroperasi dimana-mana kaunter yang difikirkan sesuai namun perlu mematuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan.
13. Kaedah operasi kaunter perkhidmatan bot yang disediakan oleh TNPP (berdekatan kaunter pendaftaran pelancong dan ia tidak termasuk kaunter persendirian):
 - 13.1. Penjaga kaunter hendaklah warganegara Malaysia sahaja dan kebolehan berbahasa dalam pelbagai bahasa asing amat digalakkan.
 - 13.2. Waktu operasi kaunter adalah bermula jam 8.00 pagi hingga jam 4.30 petang sahaja.

- 13.3. Trip/perjalanan bot adalah berdasarkan giliran yang dipersetujui dikalangan pegusaha yang beroperasi dari kaunter yang disediakan TNPP, jika pengusaha/bot mempunyai trip luar dari kaunter atau terima tempahan atau terima trip memancing secara terus daripada pelanggan pengusaha/bot harus memaklumkan kepada petugas kaunter, giliran pengusaha/bot akan diambil oleh pengusaha/bot berikutnya dan setelah selesai trip luar giliran pengusaha/bot akan diletakkan yang terakhir berdasarkan giliran yang sedang berjalan.
- 13.4. Kos operasi kaunter perkhidmatan bot yang disediakan adalah dikongsi dikalangan pengusaha yang menggunakan kaunter perkhidmatan bot disediakan oleh TNPP. Kaedah dan tatacara boleh ditetapkan dan dipersetujui dikalangan pengusaha.
- 13.5. Setiap pengusaha yang beroperasi dari kaunter yang disediakan TNPP dihadkan kepada 5 buah bot sahaja bagi 1 orang pegusaha yang berdaftar.
14. Had maksimum penumpang bagi setiap bot adalah 10 orang pelanggan/pelancong sahaja, tidak termasuk pemandu bot dan pemandu pelancong.
15. Setiap pengusaha bot yang beroperasi dari luar TNPP (Tg. Tokong, Tg. Bungah, Penang Swimming Club, Batu Feringgi, Pantai Aceh dan lain-lain tempat) wajib dan mesti berdaftar dengan pihak TNPP.
 - 15.1. Pengusaha bot/pemandu bot wajib dan mestilah singgah di Jeti/Pejabat TNPP Teluk Bahang atau Jeti/Pejabat Kuala Sg. Pinang untuk memastikan setiap pelanggan/pelancong yang dibawa membuat pendaftaran masuk dan mempunyai permit masuk yang sah sebelum memasuki kawasan TNPP.
16. Pihak Jabatan PERHILITAN dan Taman Negara Pulau Pinang berhak untuk menarik balik/membatalkan kelulusan permit yang diberikan sekiranya terdapat pelanggaran syarat-syarat yang dinyatakan.
 - 16.1. Amaran bertulis dan surat tunjuk sebab akan diberikan bagi kesalahan pertama.
 - 16.2. Tindakan menarik balik/membatalkan kelulusan pemit jika kesalahan berulang dilakukan.

.....
Tandatangan Pemohon (*oleh pengusaha bot sahaja)

Tarikh :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Cop Syarikat/ Persatuan :

C. Syarat-Syarat Khusus (Perkhidmatan Pemandu Pelancong Berkemahiran Alam Semulajadi)

1. Mempunyai lesen Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat yang sah serta ditauliah oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), sesuai dengan perkara 21 Akta Industri Pelancongan 1992.
2. Sentiasa berpakaian dan perwatakan kemas, bersopan santun, jujur, amanah dan berdedikasi.
3. Tidak boleh menggunakan bahasa kesat atau terlibat dengan pergaduhan atau perbalahan dengan pelancong atau orang di bawah jagaannya.
4. Tidak boleh memburuk-burukkan atau mengkritik rakan sekerja, organisasi, kerajaan, dasar, kempen atau mana-mana orang.
5. Bersifat profesional, menjaga kelakuan, reputasi, imej dan nama baik TNPP dan negara.
6. Sentiasa mempunyai nilai perhubungan awam yang baik, kerjasama dan persahabatan dengan rakan dan pelancong.
7. Menjalankan tugas dengan berhati-hati dan menjaga pelancong di bawah jagaannya.
8. Tidak boleh meninggalkan pelancong pada bila-bila masa dan dalam apa-apa situasi semasa menjalankan tugas.
9. Sentiasa meningkat dan membekalkan diri dengan maklumat dan kemahiran terkini.
10. Lesen pemandu pelancong wajib dipamerkan atau dipakai semasa menjalankan pemanduan.
11. Lesen tidak boleh dipakai oleh mana-mana orang selain daripada orang yang kepadanya Kad Pemberian Kuasa itu dikeluarkan.
12. Pelancong/pelawat yang ingin berkhemah/bermalam dalam kawasan TNPP
 - 12.1. Digalakkan mengambil khidmat pemandu pelancong bagi tujuan keselamatan:
 - Tapak perkhemahan Sungai Tukun, Pantai Kerachut dan Teluk Kampi.
 - Grup pelancong tidak melebihi 10 orang.
 - 12.2. Diwajibkan mengambil khidmat pemandu pelancong bagi tujuan pembelajaran, keselamatan, kebersihan dan pandu arah:
 - Rentis Pendakian Bukit Batu Hitam.
 - Grup pelancong melebihi 10 orang (Sungai Tukun, Pantai Kerachut dan Teluk Kampi).
 - Aktiviti perkhemahan dalam jumlah ramai anjuran pihak sekolah/ universiti/ syarikat/ pihak swasta/ badan berkanun/ agensi awam dan lain-lain yang bertujuan kem motivasi/ *team building*/ santai/ latihan dan lain-lain (Sungai Tukun, Pantai Kerachut dan Teluk Kampi).
13. Had maksimum pelanggan/pelancong yang dibawa/dikendali oleh satu orang pemandu pelancong adalah 10 orang sahaja.
14. Memastikan semua pelanggan/pelancong membuat pendaftaran dan mempunyai permit memasuki TNPP yang sah.
15. Memastikan pelanggan/pelancong tidak membuang peralatan yang dibawa/sampah merata-rata dalam kawasan TNPP.
16. Memastikan setiap peralatan dan sampah yang dibawa oleh pelanggan/pelancong dibawa keluar dari TNPP dan dibuang/dilupuskan ditempat yang sepatutnya.

17. Pihak Jabatan PERHILITAN dan Taman Negara Pulau Pinang berhak untuk menarik balik/membatalkan kelulusan permit yang diberikan sekiranya terdapat pelanggaran syarat-syarat yang dinyatakan.

17.1. Amaran bertulis dan surat tunjuk sebab akan diberikan bagi kesalahan pertama.

17.2. Tindakan menarik balik/membatalkan kelulusan pemit jika kesalahan berulang dilakukan.

.....

Tarikh :

Tandatangan Pemohon (*oleh pemandu pelancong sahaja)

Nama :

Cop Syarikat/Persatuan:

No. Kad Pengenalan :

PERBUATAN YANG DILARANG DALAM TAMAN

1. Tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah, semasa berada dalam Taman-
 - a. Menyimpan, memiliki, membawa atau menggunakan apa-apa-
 - i. Racun;
 - ii. Senjata api, lembing, kapak, gergaji, bahan letupan atau senjata;
 - iii. Dadah haram atau minuman beralkohol; atau
 - iv. Barang berbahaya yang lain
 - b. Mempamerkan kelakuan tidak senonoh;
 - c. Merosakkan mana-mana kemudahan
 - d. Membuang dan meninggalkan apa-apa sampah;
 - e. Mencemar mana-mana kawasan;
 - f. Menggunakan apa-apa jentera atau apa-apa bentuk pengangkutan kecuali untuk membantu orang kurang upaya;
 - g. Membina, membangunkan atau meruntuhkan apa-apa struktur;
 - h. Menghalang atau mengalihkan mana-mana saluran air;
 - i. Mengendali atau menggunakan apa-apa alat peranti yang menghalang atau menyebabkan gangguan atau kecederaan kepada mana-mana orang, tumbuhan atau haiwan;
 - j. Mengganggu, memotong, membawa masuk, membawa keluar, memindah, mencacatkan, merosakkan, menghalang, melepaskan, menyimpan, memiliki atau mengambil mana-mana-
 - i. Tumbuhan;
 - ii. Haiwan;
 - iii. Bangkai; atau
 - iv. Objek semula jadi;
 - k. Menyebabkan kerosakan kepada ciri-ciri semula jadi;
 - l. Memburu apa-apa haiwan; atau
 - m. Mengambil, menyimpan, mengganggu, merosakkan atau memusnahkan sarang apa-apa haiwan.
2. Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Peraturan-Peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022

**JADUAL KETIGA
[Subperaturan 3(4)]**

FI PERKHIDMATAN PELANCONG

Aktiviti	Warganegara (RM)
1 Perkhidmatan bot (setiap bot)	20.00 setahun
2 Pemandu Pelancong (setiap pemandu pelancong)	20.00 setahun

HARGA PERKHIDMATAN PEMANDU PELANCONG BERKEMAHIRAN ALAM SEMULAJADI

A) Harga Perkhidmatan Pemandu Pelancong Harian (merentas rentis/ berjalan kaki)						
	Sungai Tukun (RM)	Teluk Aling (RM)	Monkey Beach (RM)	Light House (RM)	Pantai Kerachut (RM)	Teluk Kampi (RM)
Bayaran Pemandu Pelancong (Maksimum 1 pemandu pelancong boleh bawa/kendali 10 orang pelancong sahaja)	100.00	120.00	150.00	40.00	180.00	200.00
B) Harga Perkhidmatan Pemandu Pelancong Bagi Perkemahan/ Bermalam						
Bayaran Pemandu Pelancong	200.00	-	200.00	-	200.00	250.00

HARGA PERKHIDMATAN BOT DALAM TAMAN NEGARA PULAU PINANG

LOKASI NAIK & TURUN	HARGA 1 HALA (RM)	HARGA 2 HALA (RM)
Jeti TNPP T. Bahang – USM CEMACS	60.00	90.00
USM CEMACS – Teluk Duyung (<i>Monkey Beach</i>) – Jeti TNPP T. Bahang	NA	90.00
Jeti TNPP T. Bahang – Pantai Kerachut (<i>Turtle Beach</i>)	100.00	200.00
Pantai Kerachut – Teluk Duyung (<i>Monkey Beach</i>) – Jeti TNPP T. Bahang	120.00	NA
Jeti TNPP T. Bahang – Teluk Kampi	120.00	240.00
Teluk Kampi – Pantai Kerachut – Teluk Duyung (<i>Monkey Beach</i>)	NA	300.00
Teluk Kampi – Teluk Duyung (<i>Monkey Beach</i>)	150.00	NA
Jeti TNPP T. Bahang – Teluk Duyung (<i>Monkey Beach</i>)	70.00	100.00
Jeti TNPP T. Bahang – Sungai Tukun	35.00	60.00
Jeti TNPP T. Bahang – Sungai Pinang (Pintu Masuk Ke-2)	450.00	
Jeti TNPP T. Bahang – Crusing Teluk Duyung (<i>Monkey Beach</i>)	130.00	
Trip Memancing & Khidmat Ejen (<i>Fishing Trip & Agent Services</i>)	Rundingan bersama pemilik bot.	
Trip Perkhemahan (<i>Camping Trip</i>)	20.00	
**tambahan membawa muatan/peralatan perkhemahan. **rundingan bersama pemilik bot adalah digalakkan.	**maksimum tambahan dari harga yang ditetapkan ke destinasi Teluk Duyung/ <i>Monkey Beach</i> , Pantai Kerachut dan Teluk Kampi.	

HARGA PERKHIDMATAN BOT DALAM TAMAN NEGARA PULAU PINANG

DARI JETI TNPP KUALA SG. PINANG KE LOKASI	HARGA 1 HALA (RM)	HARGA 2 HALA (RM)
Teluk Kampi	200.00 pergi-balik	
Pantai Kerachut (<i>Turtle Beach</i>)	200.00 pergi-balik	
Teluk Duyung (<i>Monkey Beach</i>)	250.00	300.00
Teluk Bahang	250.00	300.00
Trip Memancing & Khidmat Ejen (<i>Fishing Trip & Agent Services</i>)	Rundingan bersama pemilik bot.	